

FAZAKKIR

e-Tazkirah | Bil. 5 Julai 2020 - Zulqad'ah 1441H

FALSAFAH IBADAH QURBAN

AL-HAJJ : 37



UKURAN TAQWA

"Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepadanya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu. Demikianlah ia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjukNya, dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan Yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang Yang berusaha supaya baik amalnya."



JENIS QURBAN

QURBAN NAZAR | Wajib untuk dia menyedekahkan ke semua daging tersebut dan tidak boleh dia memakan sebahagian daripadanya.

QURBAN SUNAT | Menyedekahkan kesemuanya bagi mencapai tujuan korban tersebut, serta memakan sedikit daripadanya untuk beramal dengan zahir nas al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW.

اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا مِنْكَ وَإِلَيْكَ فَتَقَبَّلْ مِنِّي .

Ya Allah, sesungguhnya haiwan korban ini dari Engkau dan dipersembahkan kepada Engkau, Maka terimalah (ibadah) daripada aku.



INFO QURBAN

Pensyariatan

Ibadah qurban ini telah disyariatkan pada tahun ke-2 Hijrah.

Definisi

Qurban (al-udhiyah) bermaksud menyembelih haiwan tertentu sama ada unta, lembu atau kambing dengan niat mendekati diri kepada Allah S.W.T, pada waktu tertentu iaitu bermula setelah selesainya Solat Hari Raya 'Eidul Adha (10 Zulhijjah) dan pada hari-hari Tasyriq (11,12 & 13 Zulhijjah).

Hukum

Ibadah qurban adalah sunat muakkadah bagi individu yang berkemampuan.



BIASAKAN YANG BETUL, DAN BETULKAN YANG BIASA.

Upah

Upah tukang sembelih/melapah dengan duit tunai, jangan upah mereka dengan daging korban.




Pembahagian Daging Korban

Pihak yang berkorban dan ahli keluarganya

Fakir & Miskin

Saudara mara, jiran dan saudara sesama Islam



#UCSberadab | #UHEIprihatin

